



LIBERALISASI SEKTOR PERKHIDMATAN PROFESIONAL

**IR. AHMAD 'ASRI ABDUL HAMID
PRESIDENT,
PROFESSIONAL SERVICES
DEVELOPMENT CORPORATION**

KANDUNGAN

- **LATARBELAKANG**
- **ISU-ISU BERKAITAN SEKTOR PERKHIDMATAN PROFESIONAL**
- **IMPAK LIBERALISASI**
- **CADANGAN PERLAKSANAAN LIBERALISASI**
- **KESIMPULAN**

LATARBELAKANG

Jemaah Menteri membuat keputusan pada 14hb. Nov. 2008 untuk :-

- **Meliberalisasi sepenuhnya Sektor Perkhidmatan Profesional pada 2012**
- **Menubuhkan Jawatankuasa Kabinet bagi Liberalisasi Sektor Perkhidmatan**

LATARBELAKANG

Jawatankuasa Kabinet Liberalisasi Perkhidmatan membuat keputusan pada 18 Februari 2009 untuk :-

- **Mewujudkan Dana Pembangunan Kapasiti Sektor Perkhidmatan dengan peruntukan sebanyak RM100 juta di bawah MIDA**
- **Meminta Kementerian-Kementerian berkenaan menyediakan '*Roadmap*' bagi liberalisasi subsektor di bawah tanggungjawab mereka**

LIBERALISASI SEKTOR PERKHIDMATAN PROFESIONAL

Liberalisasi Sektor Perkhidmatan sekarang ini dilaksanakan melalui :-

- **ASEAN – ASEAN Framework Agreement on Services (AFAS)**
- **WTO – melalui liberalisasi secara progresif**
- **Free Trade Agreements (FTA) dua hala atau pelbagai hala – melalui komitmen GATS atau GATS +**

LIBERALISASI SEKTOR PERKHIDMATAN PROFESIONAL

- **Pencapaian liberalisasi secara progresif yang digunakan sejak Uruguay Round 1995 tidak memberangsangkan & telah menjejaskan daya saing negara dalam menarik FDI**
- **27 sub-sektor yang diliberalisasi pada 22hb April 2009 tidak melibatkan sektor perkhidmatan profesional**

KAEDAH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Dalam perkhidmatan, liberalisasi melibatkan 4 mod penyampaian seperti berikut :-

MOD	Kriteria	Kedudukan Pembekal
Mod 1: <i>Cross-border supply</i>	<u>Perkhidmatan disampaikan dalam negara ahli dari negara lain</u> E.g. rekabentuk yg dihantar melalui internet	Pembekal perkhidmatan tidak berada di negara ahli
Mod 2: <i>Consumption abroad</i>	<u>Perkhidmatan disampaikan di luar negara ahli dalam kawasan negara lain</u> E.g. tourism and education.	
Mod 3: <i>Commercial presence</i>	<u>Perkhidmatan disampaikan dalam negara ahli melalui penubuhan syarikat</u> E.g. FDIs	Pembekal perkhidmatan berada di negara ahli
Mod 4: <i>Presence of a natural person</i>	<u>Perkhidmatan disampaikan dalam negara ahli dengan pembekal berada di sana sebagai orang perseorangan</u> E.g. Pegawai dagang, pakar-pakar, dsb	

LIBERALISASI SEKTOR PERKHIDMATAN PROFESIONAL

Liberalisasi sektor perkhidmatan profesional hanya melibatkan Mod 3 sahaja. Walau bagaimanapun, mod 4 perlu diambilkira memandangkan sektor profesional melibatkan profesional secara orang perseorangan di dalam memberi perkhidmatan

KOMITMEN DI BAWAH AFAS

	SEKTOR KEUTAMAAN TINGGI		SEKTOR KEUTAMAAN RENDAH (termasuk profesional)
	ICT, Pelancongan & Kesehatan	Logistik	
LIBERALISASI DIPERCEPATKAN	2008	2010	2012
Komitmen di bawah AFAS	<ul style="list-style-type: none"> - 49% pada 2006 - 51% pada 2008 - 70% pada 2010 	<ul style="list-style-type: none"> - 49% pada 2008 - 51% pada 2010 - 70% pada 2013 	<ul style="list-style-type: none"> - 30% by 2006 - 49% by 2008 - 51% by 2010 - 70% by 2015 <p>* Pembinaan tidak kurang dari 51% pada 2006</p>

ISU-ISU BERKAITAN LIBERALISASI BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN PROFESIONAL

- **Lebih 80% syarikat perkhidmatan profesional bersaiz kecil & tidak mampu bersaing dgn syarikat asing**
- **Kebanyakan syarikat mempunyai *Domestic Mindsets***
- **Kurangnya maklumat & data tentang sektor profesional**
- **Kurangnya kesedaran tentang liberalisasi & impaknya**
- **Kurangnya penekanan ke atas latihan, akreditasi & inovasi di kalangan syarikat profesional tempatan**

PANDANGAN SYARIKAT PROFESIONAL TERHADAP LIBERALISASI

- **Kebanyakan syarikat-syarikat terutamanya yang bersaiz kecil tidak bersetuju dengan langkah liberalisasi**
- **Beberapa syarikat besar bersetuju kerana mempunyai kelebihan berbanding syarikat asing termasuk kos yg kompetitif, pengetahuan pasaran & kemampuan teknikal**

PANDANGAN PEMBEKAL PROFESIONAL TERHADAP LIBERALISASI

- **Lembaga-Lembaga serta Institusi-Institusi berbelah bagi tetapi terpaksa akur dengan keputusan Kerajaan**
- **Kesemua yang bersetuju meminta Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menjaga kepentingan profesional tempatan**

IMPAK-IMPAK POSITIF LIBERALISASI

- **Menarik pelaburan asing**
- **Menggalakkan kemasukan modal asing**
- **Meningkatkan tahap daya saing syarikat-syarikat domestik dengan :-**
 - **Mengisi kekosongan di mana tiada kepakaran tempatan**
 - **Kemasukan teknologi baru**

IMPAK-IMPAK POSITIF LIBERALISASI

- **Meningkatkan tahap daya saing syarikat-syarikat domestik melalui (Samb) :-**
 - **Menggalakkan perkongsian strategik dan menjadi hub dalam bidang-bidang tertentu di rantau ini**
 - **Meningkatkan eksport perkhidmatan profesional**
 - **Menghasilkan perkhidmatan profesional yang lebih kompetitif, berkualiti dan *cost-effective* akibat persaingan yang sihat**

IMPAK-IMPAK NEGATIF LIBERALISASI

- **Ancaman kepada syarikat-syarikat tempatan di dalam merebut peluang yang terhad dengan kemasukan syarikat bersaiz besar & berkemampuan tinggi dari negara maju & syarikat-syarikat yang menawarkan kos yang rendah dari negara-negara sedang membangun, yang boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan**
- **Perpindahan syarikat asing di masa ekonomi menurun**
- **Isu liabiliti profesional asing**
- **Menjejaskan polisi perolehan kerajaan**

CADANGAN PERLAKSANAAN LIBERALISASI

- **Tempoh masa**
- **Pindaan Peruntukan dalam Akta**
- **Langkah-Langkah untuk menjaga kepentingan syarikat profesional tempatan**
- **Pembangunan kapasiti Syarikat-Syarikat Perkhidmatan Profesional**

CADANGAN TEMPOH MASA

Komitmen sediada pegangan ekuiti asing di bawah AFAS	Cadangan Komitmen Ekuiti Asing yang baru
2008 : 49%	2011 : 51%
2010 : 51%	2012 : 100%
2015 : 70%	

PINDAAN PERUNTUKAN DALAM AKTA

Pindaan Peruntukan Dalam Akta-Akta yang berkenaan bagi membenarkan pemilikan ekuiti asing bagi *Single Disciplinary Practices* mengikut jadual seperti berikut:

51% pada 2011

100% pada 2012

LANGKAH UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN SYARIKAT PROFESIONAL TEMPATAN

Mewajibkan pendaftaran profesional dan mensyaratkan kelulusan peperiksaan kompetensi dalam peraturan & undang-undang

Mewajibkan *Professional Indemnity*

Mewujudkan akreditasi bagi pengiktirafan kelayakan akademik profesional asing

Mewujudkan kawalan (Regulate) bagi subsektor yang tidak dikawal pada masa ini (spt. Pengurusan Projek)

PEMBANGUNAN KAPASITI SYARIKAT- SYARIKAT PROFESIONAL TEMPATAN

Meningkatkan kepakaran & pengetahuan melalui latihan termasuk *soft skills*

Menggalakkan penggabungan antara syarikat termasuk menjadikan mereka syarikat pelbagai disiplin (Multi Disciplinary Practices)

Melaksanakan inisiatif untuk perolehan akreditasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa di kalangan syarikat-syarikat profesional tempatan

PEMBANGUNAN KAPASITI SYARIKAT- SYARIKAT PROFESIONAL TEMPATAN

Menggalakkan pembentukan syarikat pakar

**Mempromosi dan menggesa klien untuk menggunakan
kaedah pemilihan konsultan berasaskan
kemampuan/kualiti**

**Mempromosi dan menggalakkan klien menggunakan
konsultan tempatan dalam projek**

**Menggalakkan dan memasarkan syarikat-syarikat
profesional tempatan di pasaran global**

PROFESSIONAL SERVICES DEVELOPMENT CORPORATION, PSDC

Syarikat milik penuh Kementerian Kewangan

Di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya

Ditubuhkan pada tahun 2002 atas cadangan 22 persatuan

& badan profesional melalui memorandum yang

dikemukakan kepada Kerajaan

Bermatlamat untuk mempercepat pembangunan

kapasiti sektor profesional bagi menghadapi

cabaran-cabaran yang terhasil dari liberalisasi

PROFESSIONAL SERVICES DEVELOPMENT CORPORATION, PSDC

SKOP AKTIVITI :-

- **PEMBANGUNAN KAPASITI**
- **PEMASARAN ANTARABANGSA**
- ***VOICE OF PROFESSIONALS***
- **PUSAT MAKLUMAT**

PROFESSIONAL SERVICES DEVELOPMENT CORPORATION, PSDC

Pembangunan Kapasiti

Membangunkan kapasiti syarikat perkhidmatan profesional dengan menganjurkan latihan, mengambil inisiatif ke arah perolehan akreditasi antarabangsa, menggalakkan penggabungan & mempromosi teknologi

PROFESSIONAL SERVICES DEVELOPMENT CORPORATION, PSDC

Pemasaran Antarabangsa

Meningkatkan penglibatan syarikat perkhidmatan profesional di pasaran antarabangsa dengan mempromosi kemampuan & pencapaian mereka, memudahkan eksport, memperolehi & menyebarkan maklumat tentang peluang & memantau bagi membantu menyelesaikan isu dalam pelaksanaan projek luar negara

PROFESSIONAL SERVICES DEVELOPMENT CORPORATION, PSDC

Voice of Professionals

Advokasi bagi syarikat-syarikat perkhidmatan profesional, menyelaraskan inisiatif ke arah liberalisasi, menyediakan asas untuk perbincangan di antara syarikat profesional dengan Kerajaan dan mewujudkan jaringan hubungan dengan pihak-pihak yang berkenaan di luar negara

PROFESSIONAL SERVICES DEVELOPMENT CORPORATION, PSDC

Pusat Maklumat

Menjadi pusat maklumat sektor profesional dengan menyediakan *Portal* untuk asas interaksi antara pihak-pihak yang berkepentingan, mewujudkan database bagi syarikat-syarikat profesional dan menyediakan publikasi promosi untuk syarikat-syarikat perkhidmatan profesional

KESIMPULAN

- **Kerajaan komited dengan liberalisasi sektor perkhidmatan & kesemua pihak perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya**
- **Kementerian & Lembaga-Lembaga perlu meminda akta & peraturan bagi melaksanakan komitmen serta menjaga kepentingan syarikat perkhidmatan profesional tempatan**

KESIMPULAN

- **Syarikat perkhidmatan profesional tempatan perlu mengambil langkah untuk meningkatkan daya saing & kapasiti melalui latihan teknikal & *soft skills*, perolehan akreditasi, bergabung, menjadi syarikat pakar & mengekspot**
- **PSDC berperanan untuk membantu syarikat-perkhidmatan profesional ke arah liberalisasi**



Terima kasih